



**IKLAN PENGAMBILAN
PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM GRED S19
PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN**

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM GRED S19

Taraf jawatan : Kontrak (*Contract of Service*)
Bayaran Gaji : RM1,352 Minima
Bilangan Jawatan : Tiga (3)
Penempatan : Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan

DESKRIPSI TUGAS

1. Membantu hal ehwal penyelidikan berkaitan hukum syarak bagi tujuan kefatwaan dan pandangan hukum di Wilayah Persekutuan.

SYARAT PERMOHONAN

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Berkelulusan:
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta:
 - (a) Kepujian dalam salah satu subjek Pendidikan Islam, Pendidikan Al-Quran & As-Sunnah atau Pendidikan Syariah Islamiah; dan
 - (b) Lulus dalam subjek Bahasa Arab, Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab (Komunikasi)
 - [Gaji Permulaan pada Gred S19: RM1,352.00]**
 - ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **[Gaji permulaan ialah pada Gred S19: RM1,408.40];** atau
 - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **[Gaji permulaan ialah pada Gred S19: RM1,464.80];** dan
 - iv. Memiliki kepujian sekurang-kurangnya Gred C dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

CARA MEMOHON

1. Sila kemukakan *resume*, salinan kad pengenalan, salinan sijil dan transkrip akademik serta salinan sijil-sijil lain yang berkaitan melalui pos ke alamat berikut:

Bahagian Khidmat Sokongan

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
Aras 5, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya
No. 3, Jalan Tun Abdul Razak
Presint 3, 62100 PUTRAJAYA
(u.p: Encik Ahmad Noor Syaiful Azmi bin Mohammad Noor)

2. Sila tuliskan nama jawatan yang dimohon di sebelah kiri (atas) sampul surat.
3. Sila pastikan alamat e-mel dan nombor telefon untuk dihubungi adalah yang terkini dan aktif.

PERHATIAN

Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk menghadiri sesi temu duga.

Tarikh Tutup Permohonan: 30 SEPTEMBER 2023